

34 tindakan sita di 'Mini Dhaka'

Oleh Mohammad
Khairil Ashraf Mohd
Khalid
khairil.ashraf@hmetro.com.my

Kuala Lumpur

Sebanyak 34 tindakan sitaan dilaksanakan dalam tempoh dua bulan pertama tahun ini, terhadap barang dagangan warga asing di sekitar kawasan 'Mini Dhaka' yang terletak di Jalan Silang.

Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Wilayah Persekutuan) Dr Zaliha Mustafa berkata, Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL) dengan kerjasama agensi sahabat seperti Polis Diraja Malaysia (PDRM) dan Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia (JBPM) juga melaksanakan Operasi Tindakan Bersepadu Roboh Struktur Sekatan Dalam di lokasi itu pada 5 Mac lalu.

"Menerusi operasi itu di



DR Zaliha di Dewan Rakyat.

bawah Seksyen 79 Akta Jalan, Parit dan Bangunan 1974, sebanyak 108 struktur sekatan yang dibina tanpa kelulusan di empat premis yang dijadikan pecahan lot dan kemudiannya diguna-

kan sebagai bilik sewa atau rumah pekerja warga asing telah dirobohkan.

"DBKL juga menugaskan anggota penguat kuasa bagi membuat pemantauan ke atas aktiviti perniagaan

yang dijalankan oleh warga asing di lokasi *hotspot* melalui kamera litar tertutup (CCTV)," katanya semasa sesi pertanyaan bagi jawab lisan di Dewan Negara, semalam.

Beliau berkata demikian menjawab pertanyaan **Senator Datuk Mohd Hisamudin Yahaya** mengenai tindakan jangka masa panjang DBKL dalam menangani masalah sosial seperti 'Mini Dhaka' yang sering muncul selepas operasi penangkapan warga asing tanpa izin dilaksanakan.

Mengulas lanjut, Dr Zaliha turut mengakui lambakan warga asing di ibu kota menimbulkan ketidakelesaan dan kacau ganggu kepada warga kota.

Katanya, antara masalah sosial 'tumbuhnya' gerai haram milik warga asing yang terpaksa mencari pendapatan bagi kelangsungan hidup dan aktiviti pelacuran dalam kalangan

wanita warga asing.

Selain itu, masalah lain muncul ancaman keselamatan kepada warga kota kerana adakalanya timbul kes pergaduhan dalam kalangan mereka, di samping masalah pencemaran pemandangan serta isu kebersihan akibat gelandangan warga asing.

"Tidak keterlaluan jika dikatakan lambakan warga asing ini juga menyebabkan penempatan di ibu kota menjadi sangat padat sehingga harga sewa rumah atau bilik menjadi sangat mahal.

"Dalam masa yang sama menyukarkan penyasaran subsidi kerajaan yang sepatutnya dinikmati oleh warganegara berpendapatan rendah, selain pelbagai lagi masalah sosioekonomi yang timbul daripada cara hidup warga asing ini yang berbeza dengan norma hidup tempatan," katanya.

Menurutnya, DBKL dari semasa ke semasa me-

nguatkuasakan undang-undang dengan melaksanakan pemantauan dan rondaan secara berkala terhadap aktiviti yang dijalankan oleh warga asing terutama dalam bidang perniagaan.

Menjawab soalan Mohd Hisamudin mengenai tindakan terhadap rakyat tempatan yang menyewakan lesen perniagaan kepada warga asing, Dr Zaliha berkata, antara tindakan diambil oleh DBKL adalah pembatalan lesen sekiranya terbukti bersalah.

"Di bulan Ramadan ini, DBKL turut menjalankan tindakan penguatkuasaan dengan mengeluarkan kompaun ke atas pemilik lesen menyewakan lesen bazar Ramadan dan Aidilfitri kepada pihak lain.

"Bagi tiga tahun yang terakhir 2022 sehingga Februari tahun ini 2024, kita membatalkan 321 lesen premis dan 66 lesen penjaja," katanya.